

TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN, REKTOR KUKUM DI MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN KE-48, KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG DAN HARI PATRIOTIK PERINGKAT KUKUM DI DATARAN HAL EHWAL PELAJAR DI KUBANG GAJAH, ARAU PADA 17 OGOS 2005.

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA.

YANG BERHORMAT, PUAN AZIHANI DATO' ALI, AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PERLIS SELAKU WAKIL YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM, MENTERI BESAR PERLIS,

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF, TIMBALAN REKTOR KUKUM,

YANG BERUSAHA TUAN HAJI RUSLI ABD. HAMID, PENDAFTAR KUKUM

YANG BERUSAHA TUAN HAJI AYOB ISMAIL, BENDAHARI KUKUM,

YANG BERUSAHA PUAN HAJAH FOYZIAH AHMAD NASURUDDIN, KETUA PUSTAKAWAN KUKUM,

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN,

WAKIL-WAKIL MEDIA YANG DIHORMATI,

WARGA KERJA DAN MAHASISWA-MAHASISWI KUKUM YANG DIKASIHI.

BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBAHANU WA TAALA DI ATAS LIMPAH KURNIA, KASIH DAN SAYANG SERTA DENGAN IZIN-NYA DAPAT KITA

BERKUMPUL PADA PETANG INI UNTUK BERSAMA-SAMA MERAIKAN MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN, KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG DAN HARI PATRIOTIK PERINGKAT KUKUM BAGI TAHUN 2005 INI.

UNTUK MAKLUMAN SEMUA PADA HARI INI JUGA SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN DILANCARKAN SECARA SERENTAK DI SELURUH NEGARA. JUSTERU ITU, SAYA AMAT BERHARAP MAJLIS SEUMPAMA INI DAPAT MENGERATKAN LAGI HUBUNGAN SILATURRAHIM, PERSEFAHAMAN, KEMESRAAN DAN KERJASAMA SESAMA KITA. JALINAN KESEMUA FAKTOR INI AMAT PENTING BAGI MENJAMIN PERPADUAN DAN KEHARMONIAN WARGA KUKUM KHUSUSNYA DAN RAKYAT DI NEGARA INI AMNYA.

TERLEBIH DAHULU DI KESEMPATAN INI SAYA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA YANG BERHORMAT PUAN AZIHANI BINTI DATO' ALI, AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PERLIS SELAKU WAKIL YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR PERLIS, DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM, KERANA TELAH SUDI MELUANGKAN WAKTU DAN MASA UNTUK HADIR DI MAJLIS INI DAN SETERUSNYA MERASMIKAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN, KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG DAN HARI PATRIOTIK PERINGKAT KUKUM INI.

SETINGGI-TINGGI TAHNIAH DAN SYABAS DIUCAPKAN KEPADA JAWATANKUASA INDUK DAN JAWATAKUASA KECIL SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN KERANA USAHA GIGIH DAN DEDIKASI TUAN –TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA MERENCANA, MERANCANG, MENYUSUN DAN SETERUSNYA MENZAHIRKAN PELBAGAI AKTIVITI DAN PROGRAM YANG AKAN DIREALISASIKAN PADA SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN DI PERINGKAT UNIVERSITI INI.

HASIL DARI PEMUAFAKATAN DAN CANAIAN IDEA YANG BERNAS AHLI JAWATANKUASA INDUK DAN JAWATANKUASA KECIL SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN INI, MAKA LAHIRLAH 14 PROGRAM DAN AKTIVITI YANG DIRASAKAN CUKUP MANTAP DALAM MELAHIRKAN WARGA KUKUM YANG PATRIOTIK DAN NASIONALIS.

MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN YANG AKAN DILANCARKAN SERENTAK DENGAN KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG DAN HARI PATRIOTIK PERINGKAT KUKUM SEBENTAR LAGI, AKAN DIKUTI PULA DENGAN PROGRAM MALAM KESENIAN DAN KEBUDAYAAN KUKUM, PELANCARAN JALUR GEMILANG GERGASI, FESTIVAL NASYID KUKUM EDISI KE-TIGA, PENYERTAAN DALAM PERBARISAN DAN KAWAD HARI KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI PERLIS.

SAYUGIA DIMAKLUMKAN AKTIVITI YANG PERTAMA TELAH PUN BERLANGSUNG PADA MALAM ISNIN BARU-BARU INI APABILA KOLEJ KEDIAMAN B KUKUM TELAH MUNCUL SEBAGAI PEMENANG DI PERTANDINGAN SENAMROBIK DAN POCO-POCO KUKUM.

SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN AKAN DIMERIAHKAN LAGI DENGAN KEMBARA BERKAYAK KUKUM, KUKUM MERDEKA CHALLENGE TREASURE HUNTS 2005, PERTANDINGAN MERDEKA IDOL, MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA KEMERDEKAAN MALAYSIA KE-48, PERTANDINGAN KECERIAAN PEJABAT, PERTANDINGAN MENULIS ESEI, SAJAK DAN PUISI KEMERDEKAAN KUKUM, PERTANDINGAN NASYID IPTA PERINGKAT KEBANGSAAN DAN PROGRAM JALAN KAKI 10KM PATRIOTIK KUKUM YANG AKAN DISAMBUH SECARA SERENTAK DENGAN MAJLIS PENUTUP SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN KUKUM 2005.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

SESUNGGUHNYA AKTIVITI-AKTIVITI YANG TELAH DIRANGKA DAN DISUSUN INI KESEMUANYA BERPAKSIKAN KEPADA SATU MATLAMAT IAITU MENYEMAI SEMANGAT PATRIOTISME DAN NASIONALISME DI KALANGAN KITA SEMUA BAIK SEBAGAI WARGA UNIVERSITI MAHUPUN SEBAGAI WARGA NEGARA INI.

IBARAT KATA BIDALAN, JIKA TIDAK LALU DANDANG DI AIR, DI GURUN DIRANGKAKAN. INILAH SAATNYA BAGI KITA SEMUA MENUMPAHKAN RASA TAAT SETIA DAN MELUAHKAN KECINTAAN BUAT NEGARA MALAYSIA YANG TERCINTA.

SEBAGAI WARGANEGARA, KITA SEHARUSNYA BERASA SYUKUR DAN BERTUAH MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA RAKYAT NEGARA YANG BERDAULAT DAN MERDEKA KERANA KITA DAPAT MENGECAPI KEHIDUPAN DALAM SUASANA YANG HARMONIS, AMAN DAN SEJAHTERA. DENGAN NIKMAT KEMERDEKAAN, RAKYAT DI NEGARA INI HIDUP LEBIH SELESA, HARMONI DAN MAKMUR SERTA BERTOLAK ANSUR DALAM MENJALIN HUBUNGAN DAN PERPADUAN KAUM.

PERPADUAN ADALAH SUATU NIKMAT YANG AMAT BERTAMBAH HARGA DAN TIDAK TERNILAI HARGANYA. KERANA ITU IA PERLU DIBELAI, DIPUPUK DAN DIPELIHARA DALAM DIRI KITA SEMUA AGAR KEMERDEKAAN MALAYSIA DAPAT DIPERTAHANKAN SAMPAI BILA-BILA WALAUPUN JASAD, NYAWA DAN MARUAH MENJADI TARUHAN.

SEBAGAI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM SUDAH MENJADI TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KUKUM MENGEMBELENGKAN TENAGA SECARA BERSEPADU DALAM MENCORAKKAN MAHASISWA-MAHASISWI YANG BERJIWA PATRIOTISME DAN KENTAL AKAR UMBI NASIONALISMENYA.

KERANA MEREKA-MEREKA INILAH YANG BAKAL MENJADI BARISAN PELAPIS KEPIMPINAN NEGARA SUATU HARI NANTI.

DI SAAT KITA BERKONVOI MENGIBARKAN BENDERA JALUR GEMILANG, SAYA MENYERU KEPADA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA MERENUNG SEJENAK KEPADA PERJUANGAN YANG TELAH DILALUI OLEH PEJUANG-PEJUANG KEMERDEKAAN TERDAHULU. DEK KERANA USAHA GIGIH DAN PENGORBANAN MEREKA TANPA MENGHARAPKAN APA-APA GANJARAN, KITA SEBAGAI ANAK CUCU MEREKA BOLEH HIDUP DALAM SUASANA PENUH AMAN DAN DAMAI.

SOROT LAH SEJENAK NASIB SAUDARA-SAUDARA KITA DI BUMI AFGHANISTAN, IRAQ, CHECNYA, KASHMIR ATAU MANA-MANA BUMI YANG PERNAH BERGOLAK DENGAN PEPERANGAN. SETIAP SAAT BOM SERTA PELURU MENGHUJANI BUMI MEREKA. BAGAIKAN HUJAN TURUN MEMBASAH TANAH YANG GERSANG, SETIAP SAAT YANG BERLALU PASTI ADA NYAWA YANG TERKORBAN, SETIAP SAAT JUGA ADA ISTERI YANG MENJADI BALU, DAN ANAK-ANAK MENJADI YATIM PIATU DAN SETIAP SAAT ITU JUGA LAH MANUSIA YANG TIDAK BERDOSA MENJADI CACAT KERANA KEHILANGAN ANGGOTA BADAN SERTA PANCAINDERA.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

KEMPEN JALUR GEMILANG INI SECARA TIDAK LANGSUNG DAPAT MEMUPUK SEMANGAT PERPADUAN DI KALANGAN KITA SEMUA TANPA MENGIRA LATAR BELAKANG AGAMA YANG KITA ANUTI, WARNA KULIT YANG MENYALUTI TUBUH BADAN KITA, PANGKAT ATAU DARJAT.

BERSATU KITA TEGUH, BERCERAI KITA ROBOH. KATA-KATA AZIMAT TERSEBUT SUDAH CUKUP MENGGAMBARAKAN BETAPA KITA PERLU BERSATU HATI. SEJARAH TELAH MEMBUKTIKAN BETAPA KEAGONGAN SESUATU EMPAYAR ITU BUKAN HANYA TERLETAK KEPADA KEPIMPINAN YANG BIJAK BISTARI SEMATA-MATA TETAPI SEMANGAT, JATIDIRI DAN PERMUAFAKATAN RAKYAT JELATANYA. ELEMEN-ELEMEN TERSEBUT LAH YANG MENJADI RAHSIA SERTA TONGGAK KEKUATAN MEREKA.

SAYA AMAT BERTUAH DAN BERBANGGA KERANA WARGA KUKUM SELAMA HARI INI TELAH MENUNJUKKAN SIKAP YANG POSITIF. SALING BANTU-MEMBANTU DAN BEKERJASAMA SERTA BERSATU DALAM SETIAP BIDANG PEKERJAAN. IA CUKUP SEJAJAR DENGAN BUDAYA KERJA KITA YANG MEMENTINGKAN SEMANGAT BERPASUKAN.

BENAR LAH SUDAH KATA BIDALAN, YANG BERAT SAMA DIPIKUL DAN YANG RINGAN SAMA DIJINJING DAN PASTI APA JUGA PEKERJAAN YANG DILAKUKAN AKAN BERHASIL. DALAM SETIAP AKTIVITI YANG DIANJURKAN DI PERINGKAT UNIVERSITI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA TELAH MEMBUKTIKAN, PEMUAFAKATAN DAN PERPADUAN YANG TELAH TERJALIN SEJENAK SEKELIAN LAMANYA MENJADI RESIPI KELANCARAN PENGANJURAN PROGRAM TERSEBUT.

SAYA AMAT BERHARAP SIKAP SEBEGINI DAPAT DITERUSKAN DARI MASA KE SEMASA KERANA PERJALANAN KITA SEBAGAI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM YANG PALING BONGSU DI NEGARA INI MASIH JAUH. SAYA INGIN MENYERU TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA TERUSKAN LAH USAHA MENGGEMBLENG TENAGA DAN UPAYA MEMBANGUNKAN KUKUM MENJADI UNIVERSITI YANG TERBAIK.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN SAYA PADA PETANG INI, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA

JAWATANKUASA INDUK DAN JAWATANKUASA KECIL YANG TELAH MERANCANG PELBAGAI AKTIVITI SEPANJANG SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN PERINGKAT KUKUM INI. SAYA JUGA BERHARAP SEMUA WARGA KUKUM BAIK KAKITANGAN MAHUPUN MAHASISWA-MAHASISWINYA UNTUK SAMA-SAMA BERGANDING BAHU MENJAYAKAN SETIAP AKTIVITI YANG AKAN DIADAKAN KELAK.

UCAPAN TERIMA KASIH JUGA DIUCAPKAN KEPADA SEMUA AGENSI-AGENSI KERAJAAN SEPERTI PIHAK POLIS TRAFIK CAWANGAN POLIS DIRAJA MALAYSIA NEGERI PERLIS, JPA 3, WAKIL-WAKIL MEDIA CETAK DAN ELEKTRONIK DAN SEMUA PIHAK YANG TELAH MENJAYAKAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN KALI KALI KE -48 PERINGKAT KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA INI .

SAYA SUDAH DENGAN UCAPAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH.